



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Ministry of Transport Malaysia
No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8892 1114
Faks : 603-8888 0154
Emel : isham@mot.gov.my
Laman Web : www.mot.gov.my

MOT.600-5/2/10 JLD. 2 (35)

26 Mac 2020

SEGERA

YBhg. Dato' Jamil bin Rakon
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

J. Bg Dato' Jamil.

MAKLUMAT LANJUT BERKENAAN LANGKAH-LANGKAH BAGI MEMASTIKAN PEMBEKALAN BARANGAN KEPERLUAN KEPADA RAKYAT TIDAK TERPUTUS SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato' kepada perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana YBhg. Dato' sedia maklum, YB Menteri Pengangkutan telah membuat Kenyataan Media berhubung Langkah-Langkah Bagi Memastikan Pembekalan Barangan Keperluan Kepada Rakyat Tidak Terputus Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (seperti di **Lampiran 1**) pada hari ini, Khamis, 26 Mac 2020.
3. Selaras dengan Kenyataan Media tersebut, Kementerian telah memperincikan tatacara pergerakan logistik bagi barangan-barangan keperluan (*essential*) dan bukan keperluan (*non-essential*) yang kini telah menyebabkan kesesakan ruang kapasiti di pelabuhan-pelabuhan yang telah dikenal pasti seperti di Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Klang (Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat) dan Pelabuhan Pasir Gudang di Johor. Tatacara pelaksanaan bagi mengurangkan kesesakan barangan/kargo bagi pelabuhan-pelabuhan tersebut adalah seperti di **Lampiran 2**.

MAKLUMAT LANJUT BERKENAAN LANGKAH-LANGKAH BAGI MEMASTIKAN PEMBEKALAN BARANGAN KEPERLUAN KEPADA RAKYAT TIDAK TERPUTUS SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN


4. Untuk makluman YBhg. Dato' juga, pergerakan kargo bagi barangan *essential* dan barangan *non-essential* ini adalah selama **tiga (3) hari**, iaitu mulai hari **Jumaat, 27 Mac 2020** sehingga hari **Ahad, 29 Mac 2020**. Dalam hal ini, kerjasama pihak YBhg. Dato' adalah dimohon agar pergerakan kenderaan-kenderaan pengangkutan bagi membawa kargo-kargo tersebut dapat dibenarkan beroperasi sehingga tarikh tamat sebagaimana yang telah dinyatakan.

5. Kementerian ini amat berbesar hati dan berterima kasih di atas segala keprihatinan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Dato' serta agensi-agensi di bawah seliaan Kementerian Dalam Negeri dalam menjayakan hasrat ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK ISHAM ISHAK)

s.k.:

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Setiausaha Bahagian Maritim
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa
Kementerian Pengangkutan Malaysia

MAKLUMAT LANJUT BERKENAAN LANGKAH-LANGKAH BAGI MEMASTIKAN PEMBEKALAN BARANGAN KEPERLUAN KEPADA RAKYAT TIDAK TERPUTUS SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Ketua Pengarah
Jabatan Laut Malaysia

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Klang/Melaka

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Bintulu/Labuan

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kuantan/Kemaman

Pengurus Besar
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA**

Khamis, 26 Mac 2020

Untuk Siaran Segera

**KENYATAAN MEDIA
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**TAJUK : LANGKAH-LANGKAH BAGI MEMASTIKAN
PEMBEKALAN BARANGAN KEPERLUAN KEPADA
RAKYAT TIDAK TERPUTUS SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

1. PELEPASAN BARANGAN DI PELABUHAN

Kerajaan komited dalam menangani penularan pandemic Covid-19 dengan menghadkan pergerakan dan memastikan rakyat Malaysia tidak berkumpul secara ramai. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan satu keperluan yang bertujuan memutuskan rantai jangkitan kepada masyarakat seterusnya memulihkan keadaan sepenuhnya seperti sediakala.

Kerajaan amat prihatin kepada rakyat dan ingin memastikan segala keperluan asas rakyat Malaysia tidak terbantut ketika mengharungi waktu sukar ini. Pembekalan barangan keperluan ke pasar raya dan kedai-kedai runcit tidak boleh terputus.

Pada ketika ini, ruang kapasiti di Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Johor di Pasir Gudang telah mencecah hampir 100% berikutan pemberhentian pemindahan barangan ke gudang-gudang simpanan sebelum dihantar ke destinasi akhir. Jika tidak

ditangani segera, gudang-gudang ini akan penuh dan mencecah kapasiti maksima dalam minggu ini. Perkara ini perlu diselesaikan segera supaya tidak timbul kesesakan sepanjang tempoh PKP apabila barangan keperluan asas yang diimport mulai masuk.

Merujuk kepada keputusan Kabinet pada hari Rabu, 25 Mac dan dibangkitkan dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri mengenai Pelaksanaan PKP pada 26 Mac, saya telah mengarahkan supaya pelabuhan-pelabuhan yang berkaitan diberi pengecualian khas untuk memindahkan barangan yang bukan keperluan asas (non essential) untuk dialihkan ke gudang-gudang (sementara) di luar pelabuhan agar memberi ruang supaya pemindahan barangan keperluan (essential goods) dapat dibuat serta-merta antara 27 dan 29 Mac 2020.

Sehubungan itu, tindakan susulan perlu dilakukan segera di pelabuhan-pelabuhan supaya tidak berlaku kesesakan di gudang-gudang sekitar pelabuhan tersebut. Syarikat pengangkutan yang membawa barangan dengan ini diberi kebenaran untuk kerja-kerja pemindahan selama 24 jam sehari antara Jumaat, 27 Mac 2020 dan Ahad, 29 Mac 2020.

2. KELULUSAN PERGERAKAN UNTUK PERKHIDMATAN LOGISTIK

Bagi membolehkan transit dan penghantaran semua barangan, termasuk barangan keperluan (essential) dan barangan bukan keperluan (non-essential goods) dalam tempoh PKP, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan membenarkan kenderaan pengangkut barangan ini bergerak di jalan raya antara hari Jumaat, 27 Mac dan hari Ahad, 29 Mac 2020.

Kenderaan-kenderaan yang membawa muatan barangan ini hendaklah mematuhi syarat-syarat sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kenyataan media MKN bertarikh 18 Mac 2020. Sektor pengangkutan begitu penting ketika PKP dikuatkuasakan dan memainkan peranan utama bagi memastikan setiap isi rumah dapat mengakses keperluan harian mereka.

3. MENERUSKAN EKSPORT

Aktiviti eksport perlu diteruskan kerana ianya sangat penting bagi memastikan rantai bekalan tidak terputus dan negara yang

memerlukan barangan penting dari Malaysia juga mendapat manfaat sepenuhnya.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
26 MAC 2020

- TAMAT -

**TATACARA PELAKSANAAN BAGI MENGURANGKAN KESEKAKAN BARANGAN/KARGO BAGI
PELABUHAN-PELABUHAN PERSEKUTUAN YANG TERLIBAT**

PELABUHAN	JUMLAH KONTENA TERLIBAT	LOKASI PENGHANTARAN	MASA BEROPERASI	SYARAT-SYARAT YANG PERLU DIPENUHI
Pelabuhan Johor Pasir Gudang (Johor Port Berhad – JPB)	2,160 TEUs	<p>Kawasan Perindustrian Pasir Gudang</p> <p>Kawasan Perindustrian Tanjung Lingsat</p> <p>Kawasan Perindustrian Larkin</p> <p>Kawasan Perindustrian Daerah Batu Pahat</p>	<p>Bermula pada jam 12:01 tengah malam 27 Mac 2020 (Jumaat) sehingga jam 11:59 malam 29 Mac 2020 (Ahad)</p>	<p>a) Kesemua pihak yang terlibat perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan melalui Kenyataan Media Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertarikh 18 Mac 2020 bagi aspek operasi yang dibenarkan.</p> <p>b) Bagi pengendalian kargo kontena, hanya kontena yang berstatus 'release' daripada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sahaja yang dibenarkan.</p> <p>c) Manakala bagi kontena yang berstatus 'hold' atau yang belum membuat pengisytiharan adalah tidak</p>

PELABUHAN	JUMLAH KONTENA TERLIBAT	LOKASI PENGHANTARAN	MASA BEROPERASI	SYARAT-SYARAT YANG PERLU DIPENUHI
Penang Port Sdn Bhd (PPSB)	3,000 TEUs	<i>Butterworth Wharves Cargo Terminal</i> <i>Prai Bulk Cargo Terminal</i>		<p>dibenarkan sama sekali untuk dibawa keluar.</p> <p>d) Kesemua kontena yang keluar dan masuk pelabuhan dalam tempoh yang dinyatakan perlu mendapatkan kelulusan JKDM dan harus memohon serta mendapatkan kebenaran daripada pihak terminal pelabuhan sebelum masuk dan keluar pelabuhan.</p> <p>e) Pihak-pihak yang terlibat perlu mematuhi segala prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh pelabuhan-pelabuhan yang mana mereka berurusan.</p>

PELABUHAN	JUMLAH KONTENA TERLIBAT	LOKASI PENGHANTARAN	MASA BEROPERASI	SYARAT-SYARAT YANG PERLU DIPENUHI
Northport	<u>Jumlah Kargo kontena</u> 30,000 TEUs	Sekitar kawasan Pelabuhan Klang, Lembah Klang dan Negeri Selangor serta Kuala Lumpur		
Westports	<u>Jumlah Kargo konvensional</u> 450 lori (150 lori sehari) <u>Jumlah Car Carrier</u> 150 trellar (50 trellar sehari)	merangkumi 80% manakala merentasi sempadan Negeri Selangor dan Kuala Lumpur 20%		